# Prestasi Industri Takaful

## Gambaran Keseluruhan Prestasi Industri

Pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan pada tahun 2003 memberi kesan positif kepada industri takaful. Caruman bagi kedua-dua perniagaan takaful am dan keluarga meningkat 14.0% kepada RM1,014.0 juta dan aset pula meningkat sebanyak 22.1% kepada RM4,429.1 juta. Pertumbuhan ini mempertingkatkan tahap penguasaan pasaran industri dari segi caruman dan aset masing-masing kepada 5.4% dan 5.6%. Tahap penembusan pasaran bagi perniagaan takaful keluarga meningkat kepada 4.5% pada tahun 2003. Pengendali takaful melancarkan pelan-pelan takaful baru bagi menambah dan meluaskan rangkaian produk dalam usaha menarik minat pengguna. Di samping itu, produk-produk sedia ada dikaji semula bagi memastikan manfaat yang ditawarkan mampu mengekalkan daya saingnya. Industri takaful berada di posisi kukuh untuk terus berkembang, selaras dengan persekitaran prestasi ekonomi yang dijangka lebih kukuh bagi tahun 2004.

**Carta 1.1**
**Caruman Bersih**




## Prestasi Perniagaan Takaful Keluarga

### Perniagaan Baru

Caruman perniagaan baru meningkat dengan kesemua pelan takaful keluarga mencatatkan pertumbuhan. Peningkatan pelan takaful individu sebahagian besarnya dijana oleh pelan takaful gadai janji berikutan meningkatnya pembiayaan perumahan oleh institusi kewangan Islam. Di samping itu, peruntukan pembiayaan perumahan secara Islam oleh Kerajaan kepada kakitangan awam turut memastikan permintaan yang berterusan bagi produk ini. Pelancaran pelan takaful pendidikan baru dan nilai tambahan pada pelan takaful pendidikan sedia

**Jadual 1.1**
**Perniagaan Baru**

| | Bilangan Sijil | | Jumlah Penyertaan | | Caruman | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah | Jumlah (tidak termasuk SATK[1]) | Jumlah | Jumlah (tidak termasuk SATK[1]) | Jumlah | Jumlah (tidak termasuk SATK[1]) |
| | unit | | RM juta | | RM juta | |
| 2000 | 209,256 | 191,726 | 12,350.7 | 11,405.5 | 764.8 | 297.3 |
| 2001 | 229,199 | 205,873 | 13,990.5 | 12,817.1 | 952.0 | 368.8 |
| 2002 | 237,037 | 237,037 | 14,174.8 | 14,174.8 | 452.2 | 452.2 |
| 2003 | 265,035 | 265,035 | 18,330.0 | 18,330.0 | 511.0 | 511.0 |
| | % perubahan | | | | | |
| 2001 | 9.5 | 7.4 | 13.3 | 12.4 | 24.5 | 24.0 |
| 2002 | 3.4 | 15.1 | 1.3 | 10.6 | –52.5 | 22.6 |
| 2003 | 11.8 | 11.8 | 29.3 | 29.3 | 13.0 | 13.0 |

[1] Tidak termasuk skim anuiti (SATK) yang diperkenalkan khusus untuk pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang diberhentikan pada bulan Mei 2001

**Jadual 1.2**
**Agihan Perniagaan Baru Mengikut Pelan**

| | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | 2001 | 2002 | 2003 | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Bilangan Sijil** | unit | | | | % perubahan | | | % bahagian | | | |
| Keluarga Biasa | 191,717 | 205,871 | 236,939 | 263,101 | 7.4 | 15.1 | 11.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 99.2 |
| Individu | 190,486 | 204,660 | 235,468 | 260,968 | 7.4 | 15.1 | 10.8 | 99.4 | 99.4 | 99.4 | 98.4 |
| Berkumpulan | 1,231 | 1,211 | 1,471 | 2,133 | –1.6 | 21.5 | 45.0 | 0.6 | 0.6 | 0.6 | 0.8 |
| Anuiti[1] | 9 | 2 | 98 | 1,006 | –77.8 | 4,800.0 | 926.5 | … | … | … | 0.4 |
| Pelaburan Berkaitan | – | – | – | 928 | – | – | – | – | – | – | 0.4 |
| Jumlah | 191,726 | 205,873 | 237,037 | 265,035 | 7.4 | 15.1 | 11.8 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| **Jumlah Penyertaan** | RM juta | | | | % perubahan | | | % bahagian | | | |
| Keluarga Biasa | 11,405.5 | 12,817.1 | 14,174.8 | 18,317.0 | 12.4 | 10.6 | 29.2 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 99.9 |
| Individu | 6,348.8 | 8,407.4 | 10,015.8 | 11,379.4 | 32.4 | 19.1 | 13.6 | 55.7 | 65.6 | 70.7 | 62.1 |
| Berkumpulan | 5,056.7 | 4,409.7 | 4,159.0 | 6,937.6 | –12.8 | –5.7 | 66.8 | 44.3 | 34.4 | 29.3 | 37.8 |
| Anuiti[1] | – | – | – | 0.2 | – | – | – | – | – | – | … |
| Pelaburan Berkaitan | – | – | – | 12.8 | – | – | – | – | – | – | 0.1 |
| Jumlah | 11,405.5 | 12,817.1 | 14,174.8 | 18,330.0 | 12.4 | 10.6 | 29.3 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| **Caruman** | RM juta | | | | % perubahan | | | % bahagian | | | |
| Keluarga Biasa | 297.0 | 368.7 | 451.3 | 502.9 | 24.1 | 22.4 | 11.4 | 99.9 | 99.9 | 99.8 | 98.4 |
| Individu | 248.8 | 330.2 | 412.2 | 452.8 | 32.7 | 24.8 | 9.8 | 83.7 | 89.5 | 91.2 | 88.6 |
| Berkumpulan | 48.2 | 38.5 | 39.1 | 50.1 | –20.1 | 1.6 | 28.3 | 16.2 | 10.4 | 8.6 | 9.8 |
| Anuiti[1] | 0.3 | 0.1 | 0.9 | 4.9 | –66.7 | 800.0 | 444.1 | 0.1 | … | 0.2 | 1.0 |
| Pelaburan Berkaitan | – | – | – | 3.2 | – | – | – | – | – | – | 0.6 |
| Jumlah | 297.3 | 368.8 | 452.2 | 511.0 | 24.0 | 22.6 | 13.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |

[1] Tidak termasuk SATK
… Terlalu kecil

ada turut menyumbang pada perkembangan pelan takaful individu. Ini dirangsang oleh peningkatan kesedaran orang ramai tentang kepentingan penyediaan dana pendidikan yang terjamin bagi anak-anak mereka.

Pelan takaful anuiti menunjukkan prestasi yang menggalakkan dengan caruman baru melebihi kutipan tahun sebelumnya. Pelan ini yang menawarkan manfaat pendapatan sepanjang hayat selepas persaraan dapat membantu mengurangkan kebimbangan penerima anuiti terhadap kehilangan pendapatan. Penerimaan pelan takaful anuiti oleh masyarakat dijangka meningkat selaras dengan perubahan demografi ke arah pertambahan warga emas.

Pada awal tahun 2003, pengendali takaful memperkenalkan pelan takaful berkaitan pelaburan yang pertama. Pelan ini yang menjana sebanyak RM3.2 juta caruman baru, membolehkan peserta menentukan portfolio pelaburan di samping menerima manfaat

**Carta 1.2**
**Agihan Caruman Perniagaan Baru**



perlindungan. Pelan takaful berkaitan pelaburan ini bercirikan dua jenis portfolio pelaburan, iaitu dana pendapatan dan dana seimbang.

Penambahan pengendali takaful turut mempercepatkan perkembangan perniagaan takaful. Pelbagai jenis pelan takaful ditawarkan oleh pengendali takaful, termasuklah pelan takaful gadai janji dan pelan takaful peribadi. Caruman baru yang disumbangkan oleh pengendali takaful baru bagi tahun 2003 adalah sebanyak RM38.7 juta, mewakili 7.6% daripada jumlah caruman baru takaful keluarga. Sebanyak 12,097 sijil baru dikeluarkan dengan penyertaan berjumlah RM1,048.8 juta.

Dari segi saluran pemasaran, pemasaran langsung dan melalui ejen kekal sebagai penyumbang utama jumlah caruman perniagaan baru dengan merangkumi 86.3%. Perniagaan takaful baru yang dijana menerusi bankasurans merangkumi 13.0% manakala baki 0.7% diperoleh melalui syarikat broker.

## Penamatan

Pada tahun 2003, kadar penamatan jumlah penyertaan meningkat kepada 13.9% melibatkan 82,152 sijil. Penamatan secara serahan meningkat kepada 2.0%, sebahagian besarnya disebabkan oleh peserta membuat penebusan awal pembiayaan perumahan dan menyerahkan sijil bagi mendapatkan nilai serahan. Peratus penamatan disebabkan oleh kematian kekal pada 0.1%.

**Jadual 1.3**
**Penamatan Jumlah Penyertaan**

| | Kematian | Serahan | Matang dan Sebab-sebab Lain | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM juta | | | |
| 2000 | 17.6 | 200.0 | 869.6 | 1,087.2 |
| 2001 | 30.2 | 286.9 | 2,795.1 | 3,112.2 |
| 2002 | 39.8 | 460.2 | 3,457.7 | 3,957.7 |
| 2003 | 55.2 | 1,081.3 | 6,301.8 | 7,438.3 |
| | % bahagian | | | |
| 2000 | 1.6 | 18.4 | 80.0 | 100.0 |
| 2001 | 1.0 | 9.2 | 89.8 | 100.0 |
| 2002 | 1.0 | 11.6 | 87.4 | 100.0 |
| 2003 | 0.8 | 14.5 | 84.7 | 100.0 |
| | % jumlah penyertaan berkuat kuasa pada awal tahun | | | |
| 2001 | 0.1 | 0.8 | 8.2 | 9.1 |
| 2002 | 0.1 | 0.9 | 7.1 | 8.2 |
| 2003 | 0.1 | 2.0 | 11.8 | 13.9 |

## Perniagaan Berkuat Kuasa

Sijil berkuat kuasa bagi industri takaful meningkat 21.1%. Jumlah penyertaan bagi semua pelan takaful kecuali anuiti meningkat dengan pertumbuhan keseluruhan sebanyak 18.6%. Agihan portfolio sijil berkuat kuasa pengendali takaful secara amnya adalah seimbang di antara caruman tahunan dan tunggal masing-masing 49.3% dan 50.7%. Pelan takaful individu merangkumi 93.1% daripada RM394.2 juta jumlah caruman tahunan, diikuti pelan takaful berkelompok dan berkaitan pelaburan, iaitu dengan 6.6% dan 0.3% bahagian.

**Jadual 1.4**
**Perniagaan Berkuat Kuasa**

| | Bilangan Sijil | Jumlah Penyertaan | Caruman[1] |
|---|---|---|---|
| | unit | RM juta | |
| 2000 | 572,354 | 34,167.7 | 1,257.2 |
| 2001 | 771,265 | 48,559.0 | 2,019.0 |
| 2002 | 932,212 | 53,625.9 | 2,105.8 |
| 2003 | 1,128,446 | 63,573.8 | 394.2 |
| | % perubahan | | |
| 2001 | 34.8 | 42.1 | 60.6 |
| 2002 | 20.9 | 10.4 | 4.3 |
| 2003 | 21.1 | 18.6 | – |

[1] Caruman berkuat kuasa dilapor bagi tahun 2003 adalah hanya caruman tahunan

## Saiz dan Kos Purata Sijil Berkuat Kuasa

Saiz purata caruman berkuat kuasa meningkat 5.8% kepada RM662. Di samping itu, saiz purata jumlah penyertaan berkuat kuasa meningkat kepada RM19,882 berikutan bertambahnya kesedaran mengenai kepentingan perlindungan yang mencukupi. Pada tahun 2003, kos purata sijil berkuat kuasa bagi pelan takaful keluarga individu meningkat kepada RM33 manakala pelan takaful berkelompok menurun 18.1% kepada RM6.

## Pendapatan dan Wang Keluar

Jumlah pendapatan bagi perniagaan takaful keluarga meningkat 21.3% berbanding penurunan 39.6% pada tahun 2002. Pelan takaful keluarga biasa menyumbang 99.2% daripada jumlah pendapatan caruman bersih.

**Jadual 1.5**
**Agihan Perniagaan Berkuat Kuasa Mengikut Pelan**

| | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | 2001 | 2002 | 2003 | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Bilangan Sijil** | unit | | | | % perubahan | | | % bahagian | | | |
| Keluarga Biasa | 554,809 | 726,398 | 888,879 | 1,084,038 | 30.9 | 22.4 | 22.0 | 96.9 | 94.2 | 95.4 | 96.0 |
| Individu | 552,018 | 722,763 | 884,874 | 1,079,558 | 30.9 | 22.4 | 22.0 | 96.4 | 93.7 | 95.0 | 95.6 |
| Berkumpulan | 2,791 | 3,635 | 4,005 | 4,480 | 30.2 | 10.2 | 11.9 | 0.5 | 0.5 | 0.4 | 0.4 |
| Anuiti | 17,545 | 44,867 | 43,333 | 43,485 | 155.7 | –3.4 | 0.4 | 3.1 | 5.8 | 4.6 | 3.9 |
| Pelaburan Berkaitan | – | – | – | 923 | – | – | – | – | – | – | 0.1 |
| Jumlah | 572,354 | 771,265 | 932,212 | 1,128,446 | 34.8 | 20.9 | 21.1 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| **Jumlah Penyertaan** | RM juta | | | | % perubahan | | | % bahagian | | | |
| Keluarga Biasa | 33,222.2 | 46,247.6 | 51,404.3 | 61,388.6 | 39.2 | 11.2 | 19.4 | 97.2 | 95.2 | 95.9 | 96.6 |
| Individu | 19,486.0 | 27,589.4 | 33,193.5 | 41,450.1 | 41.6 | 20.3 | 24.9 | 57.0 | 56.8 | 61.9 | 65.2 |
| Berkumpulan | 13,736.2 | 18,658.2 | 18,210.8 | 19,938.5 | 35.8 | –2.4 | 9.5 | 40.2 | 38.4 | 34.0 | 31.4 |
| Anuiti | 945.5 | 2,311.4 | 2,221.6 | 2,172.5 | 144.5 | –3.9 | –2.2 | 2.8 | 4.8 | 4.1 | 3.4 |
| Pelaburan Berkaitan | – | – | – | 12.7 | – | – | – | – | – | – | … |
| Jumlah | 34,167.7 | 48,559.0 | 53,625.9 | 63,573.8 | 42.1 | 10.4 | 18.6 | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |
| **Caruman[1]** | RM juta | | | | % perubahan | | | % bahagian | | | |
| Keluarga Biasa | 789.1 | 1,057.8 | 1,357.5 | 392.9 | 34.0 | 28.3 | – | 62.8 | 52.4 | 64.4 | 99.7 |
| Individu | 687.6 | 945.3 | 1,213.6 | 367.1 | 37.5 | 28.4 | – | 54.7 | 46.8 | 57.6 | 93.1 |
| Berkumpulan | 101.5 | 112.5 | 143.9 | 25.8 | 10.8 | 28.0 | – | 8.1 | 5.6 | 6.8 | 6.6 |
| Anuiti | 468.1 | 961.2 | 748.3 | – | 105.3 | –22.1 | – | 37.2 | 47.6 | 35.6 | – |
| Pelaburan Berkaitan | – | – | – | 1.3 | – | – | – | – | – | – | 0.3 |
| Jumlah | 1,257.2 | 2,019.0 | 2,105.8 | 394.2 | 60.6 | 4.3 | – | 100.0 | 100.0 | 100.0 | 100.0 |

[1] Caruman berkuat kuasa dilapor bagi tahun 2003 adalah hanya caruman tahunan

… Terlalu kecil

Pendapatan pelaburan bersih meningkat 26.2% sebahagian besarnya dijana oleh pendapatan daripada bon Islam. Kadar pulangan pelaburan bersih kumpulan wang takaful keluarga adalah di antara 4.2% dan 5.2%. Pendapatan lain meningkat dengan ketara sebanyak 169.4% berikutan untung daripada pelupusan sekuriti berjumlah RM38.6 juta.

Jumlah wang keluar kumpulan wang takaful keluarga turut meningkat tetapi pada kadar lebih rendah, iaitu 26.2%. Pembayaran manfaat sijil bersih mencatatkan bahagian terbesar, merangkumi 20.8% atau RM201.4 juta. Daripada jumlah itu, 37.8% adalah pembayaran

**Jadual 1.6**
**Saiz Purata Sijil Berkuat Kuasa**

| | Caruman[1] | | Jumlah Penyertaan[2] | |
|---|---|---|---|---|
| | Individu | Berkumpulan | Individu | Berkumpulan |
| | RM | | | |
| 2000 | 571 | 36,368 | 14,259 | 4,921,594 |
| 2001 | 598 | 30,937 | 16,842 | 5,132,917 |
| 2002 | 625 | 35,934 | 19,849 | 4,547,022 |
| 2003 | 662 | 27,991 | 19,882 | 4,324,261 |

[1] Saiz purata caruman berkuat kuasa - jumlah caruman berkuat kuasa dibahagi bilangan sijil berkuat kuasa

[2] Saiz purata jumlah penyertaan berkuat kuasa - jumlah penyertaan berkuat kuasa dibahagi bilangan sijil berkuat kuasa

**Jadual 1.7**
**Kos Purata Sijil Berkuat Kuasa[1]**

| | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 |
|---|---|---|---|---|
| | RM | | | |
| Individu | 40 | 36 | 32 | 33 |
| Berkumpulan | 7 | 6 | 8 | 6 |

[1] Caruman bagi setiap RM1,000 jumlah penyertaan berkuat kuasa

**Jadual 1.8**
**Pendapatan dan Wang Keluar**

| | 2000 | | 2001 | | 2002 | | 2003 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM juta | % | RM juta | % | RM juta | % | RM juta | % |
| **Pendapatan** | | | | | | | | |
| Caruman Bersih | 841.3 | 95.6 | 1,219.8 | 92.2 | 663.8 | 83.1 | 762.5 | 78.7 |
| Pendapatan Pelaburan Bersih | 35.7 | 4.1 | 78.0 | 5.9 | 110.2 | 13.8 | 139.1 | 14.4 |
| Pendapatan Lain | 2.8 | 0.3 | 24.7 | 1.9 | 25.0 | 3.1 | 67.4 | 6.9 |
| Jumlah | 879.8 | 100.0 | 1,322.5 | 100.0 | 799.0 | 100.0 | 969.0 | 100.0 |
| **Wang Keluar** | | | | | | | | |
| Manfaat Sijil Bersih | 78.4 | 8.9 | 132.7 | 10.0 | 178.6 | 22.4 | 201.4 | 20.8 |
| Komisen Bersih | 22.8 | 2.6 | 31.5 | 2.4 | 46.4 | 5.8 | 46.5 | 4.8 |
| Perbelanjaan Pengurusan[1] | 16.0 | 1.8 | 22.6 | 1.7 | 25.2 | 3.2 | 60.0 | 6.2 |
| Wang Keluar Lain | 5.0 | 0.6 | 18.3 | 1.4 | 34.5 | 4.3 | 51.4 | 5.3 |
| Jumlah | 122.2 | 13.9 | 205.1 | 15.5 | 284.7 | 35.7 | 359.3 | 37.1 |
| **Lebihan Pendapatan ke atas Wang Keluar** | 757.6 | 86.1 | 1,117.4 | 84.5 | 514.3 | 64.3 | 609.7 | 62.9 |

[1] Perbelanjaan pengurusan tahun 2003 termasuk kos kumpulan wang takaful keluarga yang ditanggung oleh dana pemegang saham

bagi serahan dan 25.3% bagi kematian. Baki 36.9% adalah pembayaran bagi sijil yang matang dan sebab-sebab lain. Perbelanjaan pengurusan pula meningkat 138.1% berikutan pemasukan perbelanjaan yang ditanggung oleh dana pemegang saham. Pada tahun 2003, lebihan pendapatan atas wang keluar meningkat 18.5% kepada RM609.7 juta.

## Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga

Pada tahun 2003, aset kumpulan wang takaful keluarga meningkat 22.1% kepada RM3,861.0 juta. Pelan takaful biasa merangkumi 68.6% daripada jumlah aset, diikuti pelan takaful anuiti dengan 31.1% bahagian. Aset bagi pelan

**Jadual 1.9**
**Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga**

| | 2000 | | 2001 | | 2002 | | 2003 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM juta | % bahagian | RM juta | % bahagian | RM juta | % bahagian | RM juta | % bahagian |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 1.0 | 0.1 | 1.0 | … | 3.1 | 0.1 | 7.2 | 0.2 |
| Pelaburan Hartanah | 52.7 | 3.4 | 59.6 | 2.2 | 61.8 | 2.0 | 66.0 | 1.7 |
| Pembiayaan | 55.6 | 3.6 | 91.4 | 3.5 | 89.3 | 2.8 | 84.0 | 2.2 |
| Pelaburan | 564.8 | 36.6 | 1,302.7 | 49.3 | 1,725.1 | 54.6 | 2,227.2 | 57.7 |
| Sekuriti Islam Kerajaan | 155.9 | 10.1 | 176.9 | 6.7 | 273.5 | 8.7 | 389.5 | 10.1 |
| Sekuriti Hutang Swasta Secara Islam dan Ekuiti | 401.8 | 26.1 | 1,120.6 | 42.4 | 1,447.0 | 45.8 | 1,829.2 | 47.4 |
| Pelaburan-pelaburan Lain | 7.1 | 0.5 | 5.2 | 0.2 | 4.6 | 0.1 | 8.5 | 0.2 |
| Aset Asing | 1.2 | 0.1 | 7.5 | 0.3 | 7.7 | 0.2 | 7.7 | 0.2 |
| Akaun Pelaburan dan Pasaran Wang Secara Islam | 508.8 | 33.0 | 1,142.2 | 43.2 | 1,183.6 | 37.4 | 1,337.2 | 34.6 |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 27.8 | 1.8 | 25.9 | 1.0 | 70.4 | 2.2 | 98.9 | 2.6 |
| Aset-aset Lain | 330.5 | 21.4 | 14.4 | 0.5 | 21.8 | 0.7 | 32.8 | 0.8 |
| Jumlah | 1,542.4 | 100.0 | 2,644.7 | 100.0 | 3,162.8 | 100.0 | 3,861.0 | 100.0 |

… Terlalu kecil

**Carta 1.3**
**Komposisi Aset Kumpulan Wang Takaful Keluarga**




takaful berkaitan pelaburan adalah lebih kecil, merangkumi 0.3% bahagian atau RM13.6 juta.

Profil pengagihan aset secara relatifnya tidak berubah dengan majoriti aset dilaburkan dalam instrumen pendapatan tetap. Penempatan dalam akaun pelaburan dan pasaran wang secara Islam mengalami penurunan disebabkan penyusunan semula strategi pelaburan oleh pengendali takaful kepada instrumen yang memberikan pulangan yang lebih tinggi. Berikutan itu, jumlah kumpulan wang yang dilaburkan dalam sekuriti hutang swasta secara Islam dan ekuiti meningkat 26.4%. Pembiayaan yang sebahagian besarnya adalah bercagar menurun 6.0% kepada RM84.0 juta. Pegangan aset asing berjumlah RM7.7 juta adalah pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu di Indonesia, Sri Lanka dan Arab Saudi.

## Laporan Penilaian

Selaras dengan pertumbuhan perniagaan berkuat kuasa, kumpulan wang peserta meningkat kepada RM2,390.7 juta. Jumlah liabiliti penilaian yang dinilai dengan menggunakan Jadual Mortaliti Penilaian Berkanun 1996 bagi takaful keluarga biasa dan Jadual Mortaliti a(90) bagi anuiti meningkat 14.0% kepada RM2,143.7 juta. Sebahagian besar liabiliti penilaian adalah daripada pelan takaful gadai janji. Keupayaan kumpulan wang melunaskan liabiliti, yang dinilai berdasarkan nisbah kumpulan wang peserta kepada liabiliti penilaian, meningkat daripada 107.7% kepada 111.5% pada tahun 2003. Secara keseluruhannya, lebihan aktuari meningkat 70.6% kepada RM247.0 juta.

Bagi akaun berkumpulan, kumpulan wang peserta mencatatkan peningkatan 21.4% kepada RM184.7 juta. Rizab caruman tidak terperoleh dan peruntukan bagi tuntutan tertanggung tetapi belum dikemukakan masing-masing meningkat 15.1% dan 51.9% kepada RM116.1 juta dan RM24.1 juta. Lebihan akaun berkumpulan meningkat 25.6% kepada RM44.5 juta. Lebihan bagi kedua-dua akaun khas peserta dan akaun berkumpulan diagih kepada peserta

**Jadual 1.10**
**Keputusan Penilaian[1]**

| | 2002 | 2003 | % perubahan |
|---|---|---|---|
| | RM juta | | |
| **Akaun Khas Peserta** | | | |
| Kumpulan Wang Peserta | 2,025. 4 | 2,390.7 | 18.0 |
| Liabiliti Penilaian | 1,880.6 | 2,143.7 | 14.0 |
| Lebihan | 144.8 | 247.0 | 70.6 |
| **Akaun Berkumpulan** | | | |
| Kumpulan Wang Peserta | 152.2 | 184.7 | 21.4 |
| Rizab Caruman Tidak Terperoleh | 100.9 | 116.1 | 15.1 |
| Peruntukan Tuntutan Tertanggung Tetapi Belum Dikemukakan | 15.9 | 24.1 | 51.9 |
| Lebihan | 35.4 | 44.5 | 25.6 |

[1] Berdasarkan data tahun kalendar

yang layak berdasarkan amalan pengendali takaful seperti yang terkandung dalam terma pelan takaful.

## Prestasi Perniagaan Takaful Am

### Pertumbuhan dan Agihan Caruman

Perniagaan takaful am terus mencatatkan pertumbuhan pada tahun 2003. Jumlah caruman kasar meningkat 21.1% kepada RM403.0 juta dengan kesemua sektor perniagaan mencatatkan pertumbuhan dua angka. Sektor motor mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 17.8% kepada RM120.4 juta walaupun jualan kenderaan merosot 6.9% pada tahun 2003. Usaha pemasaran secara intensif dilaksanakan sepanjang tahun bagi menjana lebih banyak perniagaan dengan penumpuan kepada peniaga francais dan pihak berkuasa tempatan. Pengendali takaful baru menyumbang sebanyak 2.5% daripada jumlah caruman kasar sektor motor. Sektor pelbagai juga mencatatkan pertumbuhan menggalakkan sebanyak 34.1% dengan sebahagian besar caruman kasar disumbangkan oleh subsektor semua risiko kontraktor dan kejuruteraan dan subsektor kemalangan diri. Sektor marin, udara dan transit terus mencatatkan pertumbuhan caruman kasar yang memberangsangkan, iaitu 66.8% kepada RM34.9 juta selepas

**Jadual 1.11**
**Agihan Caruman Kasar**

| | Marin, Udara dan Transit | Kebakaran | Motor | | | Pelbagai | Semua Sektor |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | `Akta´ | Lain-lain | Jumlah | | |
| | RM juta | | | | | | |
| 2000 | 7.2 | 82.4 | 13.8 | 61.6 | 75.4 | 37.7 | 202.7 |
| 2001 | 11.0 | 115.9 | 15.9 | 75.8 | 91.7 | 48.2 | 266.8 |
| 2002 | 20.9 | 149.5 | 16.2 | 86.0 | 102.2 | 60.0 | 332.7 |
| 2003 | 34.9 | 167.2 | 15.2 | 105.2 | 120.4 | 80.5 | 403.0 |
| | % perubahan | | | | | | |
| 2001 | 53.3 | 40.8 | 15.5 | 22.9 | 21.6 | 27.6 | 31.6 |
| 2002 | 89.5 | 28.9 | 2.0 | 13.5 | 11.5 | 24.5 | 24.7 |
| 2003 | 66.8 | 11.8 | –6.2 | 22.3 | 17.8 | 34.1 | 21.1 |
| | % bahagian | | | | | | |
| 2000 | 3.6 | 40.6 | 6.8 | 30.4 | 37.2 | 18.6 | 100.0 |
| 2001 | 4.1 | 43.5 | 6.0 | 28.4 | 34.4 | 18.0 | 100.0 |
| 2002 | 6.3 | 44.9 | 4.9 | 25.9 | 30.8 | 18.0 | 100.0 |
| 2003 | 8.6 | 41.5 | 3.8 | 26.1 | 29.9 | 20.0 | 100.0 |

**Carta 1.4**
**Agihan Caruman Kasar**




mencapai pertumbuhan sebanyak 89.5% pada tahun 2002. Antara faktor yang menyumbang pada pertumbuhan ini adalah peningkatan dalam penyertaan perjanjian insurans bersama dan kadar caruman yang tinggi. Sektor kebakaran pula mencatatkan pertumbuhan lebih rendah sebanyak 11.8% berikutan pelaksanaan dasar pengunderaitan yang ketat dalam usaha menangani peningkatan kos tuntutan. Walau bagaimanapun, sektor kebakaran kekal menguasai perniagaan takaful am dengan menyumbang sebanyak 41.5% daripada jumlah keseluruhan caruman kasar, diikuti sektor motor dan sektor pelbagai masing-masing dengan 29.9% dan 20.0% bahagian. Peratusan caruman kasar sektor marin, udara dan transit kekal kecil iaitu sebanyak 8.6%.

Dari segi saluran pemasaran, pengendali takaful banyak bergantung kepada pemasaran langsung, yang merangkumi 51.1% daripada jumlah keseluruhan caruman kasar. Ini berkait rapat dengan jenis produk yang ditawarkan oleh pengendali takaful seperti pelan takaful kebakaran dan motor yang melibatkan proses pengunderaitan yang mudah. Pembukaan cawangan-cawangan baru pada tahun 2003, termasuk pembukaan kaunter perkhidmatan di ibu pejabat pengendali takaful baru turut memudahkan pelanggan mendapatkan pelan-pelan takaful. Broker dan ejen memainkan peranan yang sama penting dalam usaha meningkatkan penembusan pasaran takaful. Broker dan ejen masing-masing menyumbang sebanyak 19.6% dan 19.0% daripada jumlah

**Jadual 1.12**
**Agihan Caruman Bersih**

| | Marin, Udara dan Transit | Kebakaran | Motor | | | Pelbagai | Semua Sektor |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | `Akta´ | Lain-lain | Jumlah | | |
| | RM juta | | | | | | |
| 2000 | 1.6 | 48.5 | 13.2 | 59.4 | 72.6 | 27.1 | 149.8 |
| 2001 | 3.4 | 57.8 | 14.6 | 73.3 | 87.9 | 31.1 | 180.2 |
| 2002 | 6.8 | 73.7 | 16.0 | 82.3 | 98.3 | 43.5 | 222.2 |
| 2003 | 12.4 | 74.2 | 13.7 | 100.8 | 114.5 | 50.4 | 251.5 |
| | % perubahan | | | | | | |
| 2001 | 116.4 | 19.2 | 11.0 | 23.5 | 21.1 | 14.9 | 20.3 |
| 2002 | 100.7 | 27.4 | 9.5 | 12.2 | 11.8 | 39.7 | 23.3 |
| 2003 | 82.2 | 0.8 | –14.8 | 22.6 | 16.5 | 15.8 | 13.2 |
| | % bahagian | | | | | | |
| 2000 | 1.1 | 32.4 | 8.8 | 39.6 | 48.4 | 18.1 | 100.0 |
| 2001 | 1.9 | 32.1 | 8.1 | 40.7 | 48.8 | 17.2 | 100.0 |
| 2002 | 3.1 | 33.1 | 7.2 | 37.0 | 44.2 | 19.6 | 100.0 |
| 2003 | 4.9 | 29.5 | 5.5 | 40.1 | 45.6 | 20.0 | 100.0 |

perniagaan, manakala 10.0% dijana melalui bankasurans.

Dalam tahun kajian, nisbah bendungan keseluruhan menurun kepada 62.4% berikutan peningkatan sisen bagi risiko-risiko besar dalam sektor kebakaran dan sektor marin, udara dan transit bagi tujuan lindung nilai. Nisbah bendungan bagi sektor pelbagai menurun kepada 62.6% berikutan bendungan rendah yang dicatatkan oleh subsektor semua risiko kontraktor dan kejuruteraan. Sektor motor dan subsektor pelbagai lain pula mencatatkan nisbah bendungan melebihi 90.0%.

Sejumlah RM151.5 juta disid kepada syarikat-syarikat takaful semula dan insurans semula.

**Jadual 1.13**
**Nisbah Bendungan[1]**

| | Marin, Udara dan Transit | Kebakaran | Motor | | | Pelbagai | Semua Sektor |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | `Akta´ | Lain-lain | Jumlah | | |
| | % | | | | | | |
| 2000 | 21.7 | 58.9 | 95.7 | 96.3 | 96.3 | 71.7 | 73.9 |
| 2001 | 30.7 | 49.9 | 92.0 | 96.7 | 95.9 | 64.6 | 67.6 |
| 2002 | 32.5 | 49.3 | 98.8 | 95.6 | 96.1 | 72.4 | 66.8 |
| 2003 | 35.5 | 44.4 | 89.8 | 95.8 | 95.1 | 62.6 | 62.4 |

[1] Peratusan caruman bersih kepada caruman kasar

Daripada jumlah itu, 61.3% disid kepada syarikat-syarikat Malaysia, termasuk syarikat yang beroperasi di Pusat Pesisir Kewangan Antarabangsa Labuan. Baki RM58.6 juta adalah caruman yang disid dan retrosid ke luar negara. Aliran keluar paling besar adalah daripada sektor kebakaran, iaitu sebanyak 66.6% atau RM39.0 juta. Subsektor semua risiko kontraktor dan kejuruteraan menyumbang sebanyak RM8.4 juta kepada aliran keluar sementara sektor marin, udara dan transit pula sebanyak RM7.0 juta. Jumlah keseluruhan aliran keluar bersih yang dicatatkan berikutan sisen ke luar negara selepas mengambil kira penerimaan tuntutan dan komisen adalah sebanyak RM58.5 juta.

## Pengalaman Tuntutan

Tahun 2003 menyaksikan tuntutan kasar dibayar menurun sebanyak 14.5% kepada RM104.1 juta. Melalui perjanjian takaful semula, syarikat-syarikat takaful semula dan insurans semula menanggung 24.4% atau RM25.4 juta daripada jumlah keseluruhan tuntutan kasar dibayar. Secara keseluruhannya, industri takaful mencatatkan pengalaman tuntutan yang lebih baik pada tahun 2003 dengan nisbah tuntutan menurun daripada 54.4% kepada 37.3%. Kesemua sektor perniagaan takaful am merekodkan nisbah tuntutan yang lebih baik. Pelaksanaan dasar pengunderaitan yang ketat bagi sektor kebakaran sepanjang tahun 2003 ternyata berkesan dalam mengawal kos tuntutan. Nisbah tuntutan sektor kebakaran pada tahun 2003 menurun daripada 23.3% kepada 6.1%. Nisbah keseluruhan tuntutan motor menurun kepada 46.3% berikutan penilaian semula peruntukan tuntutan bagi subsektor motor lain-lain.

**Jadual 1.14**
**Nisbah Tuntutan[1]**

| | Marin, Udara dan Transit | Kebakaran | Motor | | | Pelbagai | Semua Sektor |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | `Akta´ | Lain-lain | Jumlah | | |
| | % | | | | | | |
| 2000 | 102.5 | 11.3 | 50.8 | 35.9 | 38.8 | 77.4 | 39.0 |
| 2001 | 103.6 | 15.1 | 61.7 | 46.6 | 49.1 | 76.1 | 45.0 |
| 2002 | 65.8 | 23.3 | 67.1 | 65.1 | 65.4 | 73.1 | 54.4 |
| 2003 | 29.3 | 6.1 | 245.6 | 16.8 | 46.3 | 64.0 | 37.3 |

[1] Tuntutan bersih tertanggung sebagai nisbah pendapatan caruman terperoleh

Pelepasan peruntukan tuntutan pada tahun 2003 berjumlah RM15.5 juta. Walau bagaimanapun, nisbah tuntutan bagi subsektor motor perlindungan `Akta´ meningkat dengan ketara kepada 245.6% berikutan pertambahan peruntukan rizab tuntutan tertanggung tetapi tidak dilaporkan (IBNR) sebanyak RM8.4 juta. Nisbah tuntutan bagi sektor marin, udara dan transit menurun kepada 29.3% sementara nisbah tuntutan sektor pelbagai pula adalah 64.0%.

## Pengalaman Pengunderaitan dan Hasil Kendalian

Keuntungan pengunderaitan industri takaful meningkat 2.8% kepada RM74.6 juta. Dari segi perbelanjaan pengunderaitan, komisen bersih dibayar meningkat sebanyak RM4.4 juta, selaras dengan peningkatan jumlah perniagaan. Perbelanjaan pengurusan meningkat 342.3% kepada RM60.6 juta berikutan pemasukan perbelanjaan perniagaan takaful am yang ditanggung oleh dana pemegang saham. Keuntungan pengunderaitan sebelum pemasukan perbelanjaan ini adalah sebanyak RM117.7 juta.

Keuntungan kendalian pengendali takaful pada tahun 2003 meningkat 3.4% kepada RM75.4 juta. Jumlah pendapatan pelaburan bersih yang dijana pada tahun 2003 adalah RM21.5 juta. Daripada jumlah itu, RM14.5 juta adalah pendapatan daripada pelaburan dalam bon Islam dan RM6.0 juta adalah daripada akaun pelaburan dan pasaran wang secara Islam. Wang keluar pula berjumlah RM21.5 juta. Pelunasan premium ke atas sekuriti dan peruntukan bagi hutang lapuk dan ragu masing-masing menyumbang sebanyak 47.2% dan 16.9% daripada jumlah itu. Antara wang keluar utama lain adalah cukai dan penjejasan nilai pelaburan.

**Jadual 1.15**
**Pengalaman Pengunderaitan**

| | Pendapatan Caruman Terperoleh | Tuntutan Bersih Tertanggung | Komisen Bersih | Perbelanjaan Pengurusan[1] | Keuntungan Pengunderaitan |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM juta | | | | |
| 2000 | 131.3 | 51.2 | –1.1 | 8.5 | 72.6 |
| 2001 | 162.5 | 73.1 | 7.0 | 11.8 | 70.5 |
| 2002 | 199.2 | 108.2 | 4.7 | 13.7 | 72.5 |
| 2003 | 230.0 | 85.7 | 9.1 | 60.6 | 74.6 |
| | % perubahan | % pendapatan caruman terperoleh | | | |
| 2000 | – | 39.0 | –0.8 | 6.5 | 55.3 |
| 2001 | 23.8 | 45.0 | 4.3 | 7.2 | 43.4 |
| 2002 | 22.6 | 54.4 | 2.3 | 6.9 | 36.4 |
| 2003 | 15.5 | 37.3 | 3.9 | 26.4 | 32.4 |

[1] Perbelanjaan pengurusan tahun 2003 termasuk kos kumpulan wang takaful am yang ditanggung oleh dana pemegang saham

## Aset Kumpulan Wang Takaful Am

Jumlah aset kumpulan wang takaful am pada akhir tahun 2003 mencatatkan peningkatan

**Carta 1.5**
**Komposisi Aset Kumpulan Wang Takaful Am**



**Jadual 1.16**
**Aset Kumpulan Wang Takaful Am**

| | 2000 | | 2001 | | 2002 | | 2003 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM juta | % bahagian | RM juta | % bahagian | RM juta | % bahagian | RM juta | % bahagian |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 5.4 | 1.6 | 7.0 | 1.9 | 0.5 | 0.1 | 1.3 | 0.2 |
| Pelaburan Hartanah | 24.6 | 7.4 | 27.5 | 7.3 | 34.4 | 7.4 | 33.8 | 5.9 |
| Pembiayaan | 12.8 | 3.9 | 15.4 | 4.1 | 14.3 | 3.1 | 13.6 | 2.4 |
| Pelaburan | 121.9 | 36.9 | 129.5 | 34.6 | 190.5 | 41.1 | 257.2 | 45.3 |
| Sekuriti Islam Kerajaan | 29.1 | 8.8 | 17.9 | 4.8 | 46.4 | 10.0 | 59.4 | 10.5 |
| Sekuriti Hutang Swasta Secara Islam dan Ekuiti | 90.7 | 27.4 | 110.1 | 29.4 | 142.5 | 30.7 | 196.4 | 34.6 |
| Pelaburan-pelaburan Lain | 2.2 | 0.7 | 1.6 | 0.4 | 1.6 | 0.3 | 1.4 | 0.2 |
| Aset Asing | 0.5 | 0.2 | 2.5 | 0.7 | 2.5 | 0.5 | 2.5 | 0.4 |
| Akaun Pelaburan dan Pasaran Wang Secara Islam | 109.5 | 33.1 | 160.1 | 42.7 | 170.3 | 36.7 | 202.3 | 35.6 |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 8.0 | 2.4 | 14.3 | 3.8 | 12.7 | 2.7 | 4.8 | 0.9 |
| Aset-aset Lain | 47.8 | 14.5 | 18.5 | 4.9 | 38.9 | 8.4 | 52.7 | 9.3 |
| Jumlah | 330.5 | 100.0 | 374.8 | 100.0 | 464.1 | 100.0 | 568.1 | 100.0 |

22.4% kepada RM568.1 juta. Tahap kecairan kekal pada paras yang tinggi dengan 35.6% daripada jumlah aset dilaburkan dalam akaun pelaburan dan pasaran wang secara Islam. Agihan dana kepada pelaburan dalam sekuriti hutang swasta secara Islam dan ekuiti meningkat berikutan keadaan pasaran yang memberangsangkan dengan 61.0% dilaburkan dalam bon Islam.

## Rizab Teknikal

Rizab teknikal pengendali takaful pada tahun 2003 adalah mencukupi dengan nisbah sebanyak 126.8%. Jumlah peruntukan tuntutan belum lunas meningkat 4.3% kepada RM170.9 juta. Daripada jumlah itu, RM54.5 juta atau 31.9% adalah rizab tuntutan IBNR. Rizab caruman tidak terperoleh juga meningkat 20.3% kepada RM147.9 juta.

**Jadual 1.17**
**Rizab Teknikal**

| | **Rizab Caruman Tidak Terperoleh** | **Peruntukan Tuntutan Belum Lunas** | **Rizab Teknikal** |
|---|---|---|---|
| | RM juta | | |
| 2000 | 82.0 | 103.7 | 185.7 |
| 2001 | 99.8 | 128.4 | 228.3 |
| 2002 | 122.9 | 163.8 | 286.7 |
| 2003 | 147.9 | 170.9 | 318.8 |
| | % caruman bersih | | |
| 2000 | 54.8 | 69.3 | 124.0 |
| 2001 | 55.4 | 71.3 | 126.6 |
| 2002 | 55.3 | 73.7 | 129.0 |
| 2003 | 58.8 | 68.0 | 126.8 |